

15 DEC 1999

Mohd Ali-Miskin

MATLAMAT SIFAR RAKYAT MISKIN DI MELAKA MENJELANG TAHUN 2001

MELAKA, 15 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Melaka mampu mencapai matlamat sifar rakyat termiskin di negeri ini menjelang tahun 2001.

Beliau berkata setakat ini sebanyak 149 keluarga sahaja masih diletakkan di tahap miskin di negeri ini dan usaha untuk menaikkan taraf hidup mereka sedang dijalankan.

"Saya yakin menjelang tahun 2001 Melaka akan berjaya mencapai matlamat sifar rakyat termiskin di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Menurutnya, pelbagai program sedang disusun bagi membantu golongan itu melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) sebagai usaha membebaskan mereka daripada kemiskinan.

Mohd Ali juga berkata mesyuarat hari ini memutuskan semua anggota Exco yang dilantik perlu mengisytiharkan harta masing-masing dalam tempoh dua bulan selepas tarikh pelantikan pada 1 Dis lepas.

Beliau berkata semua borang pengisytiharan harta itu perlu diserahkan kepadanya sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan negeri juga telah membuat keputusan mengenai sambutan Hari Raya Aidil Fitri memabitkan jabatan, agensi dan anak syarikat kerajaan negeri ini.

"Kita tidak mahu lagi setiap jabatan, agensi dan anak-anak syarikat membuat sambutan yang berasingan...kali ini kita akan selaraskan iaitu satu hari sahaja bertempat di Dewan Banquet Seri Negeri," katanya.

Mohd Ali berkata dengan penyelarasan majlis sambutan itu kerajaan negeri mampu menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan yang dianggarkan RM100,000.

-- BERNAMA

MYD FAZ